Benarkah Penubuhan UMNO Bukan 11 Mei?

Mukadimah

UMNO telah menyambut tarikh 11 Mei 2006 sebagai ulangtahun penubuhannya ke 60 tahun di Johor Bahru. Dalam satu usia yang agak matang, UMNO berjaya menjana dan membela kecemerlangan bangsa Melayu di negara ini. Usaha untuk mengingati tarikh 11 Mei 1946 wajar di inggati oleh generasi kini sebagai tanda bermulanya gerakan dan perjuangan orang-orang Melayu di negara ini. Bagaimanapun, ada yang mempertikaikan tarikh berkenaan kerana dikatakan UMNO bukan lahir pada 11 Mei, apatah lagi di Johor Bahru. Mengapa keadaan ini berlaku? Wartawan EraBaru telah mewawancara seorang tokoh Veteran UMNO, Bujang Yunus atau lebih dikenali sebagai Pak Ujang dikalangan kenalan-kenalan UMNO untuk mendapatkan penjelasan beiiau berkaitan tarikh 1 Mac 1946 yang dikatakannya sebagai tarikh keramat kelahiran UMNO ketika itu. Pak Ujang turut hadir dalam persidangan yang berlangsung pada tarikh itu sebagai pemerhati. Sama sama kita ikuti wawancara dengan beiiau baru-baru ini.

E B : Apakhabar Pak Ujang, kami mengucapkan terima kasih kerana Pak Ujang sudi untuk ditemuramah hari ini.

P U : Alhamdulillah, saya sihat. Sama-sama,

EB: Pertama sekali, bolehkah Pak Bujang beritahu umur Pak Ujang?

P U : Saya lahir pada tahun 1920 tetapi dalam kad pengenalan ditulis tahun 1925. Lahir tahun 1920 maknanya umur saya sekarang. ialah 85-86 tahun.

E B : Bilakah Pak Ujang mula-mula terlibat dengan bidang politik?

P U : Saya mengikuti perkembangan politik di Tanah Melayu sejak zaman Jepun lagi. Saya agak dalam akhir 1930-an. Pada masa tu ramai nasionalis yang bangkit untuk memperjuangkan hak orang Melayu. Masa tu saya ingat lagi, tokoh-tokoh yang ada termasuklah Ibrahim Kajai dan Yunus Hamedi. Mereka ada buat beberapa perjumpaan. Pada masa tu saya ingat saya ada di Setapak.

E B : Justeru, sudah tentu Pak Bujang mempunyai banyak pengetahuan dan bengal aman bersabit UMNO dan pejuang-pejuang yang mula-mula terlibat dengan parti UMNO?

P U : Sebagaimana yang saya katakan. semangat orang Melayu ketika itu begitu membara, begitu kuat. Sampai kalau k i t a sebut 'Hidup Melayu', saya ingat bulu roma di tengkuk ni naik. Semangat 'Hidup Melayu' itulah yang membawa bangsa kita kembali untuk menuntut hak yang sepatutnya kita miliki. Ketika Datuk Onn mengetuai UMNO menentang gagasan Malayan Union, ramai orang bangkit menyokong, hadir sama-sama membantah-cadangan penjajah itu. Saya ingat lagi, tarikh 1 Mac 1946, sekumpulan pemimpin Melayu mengadakan kongres di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Masa tu, yang hadir termasuklah Dato Onn, Ahmad Boestamam, Datuk Panglima Bukit Gantang, Saadon Jubir. Semuanya sepakat untuk mengukuhkan kedudukan orang-orang Melayu. Begitu bersemangatnya pejuang-pejuang Melayu ketika itu. Saya ingat, pada hari itulah UMNO berjaya dilahirkan. UMNO bertitik tolak dari persidangan itulah.

E B : UMNO baru sahaja menyambut hari kelahirannya yang ke-60 pada 11 Mei 2006 di Istana Besar, Johor Bahru. Dalam hal ini, ada sesetengah pihak yang mempertikaikan tarikh penubuhan UMNO itu yang sebenar, iaitu bukan di Johor Bahru tetapi di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur. Difahamkan Pak Bujang ada hadir sama ketika beberapa pemimpin dan pejuang Meiayu mengadakan mesyuarat dan perbincangan pada hari tersebut. Apakah yang boleh Pak Bujang ceritakan tentang perbincangan mereka dan ketetapan yang diambil ketika itu. Juga, dapatkah Pak Bujang berikan nama-nama pemimpin yang hadir pada hari tersebut?

P U : Itulah yang mengelirukan kita. Seingat saya, UMNO lahir di Kelab Sultan Sulaiman dan bukan di Johor Bahru. Bagi saya, UMNO lahir selepas berlangsungnya persidangan pada 1 Mac 1946. Kerana secara jelas dalam persidangan 1 Mac itu, pemimpin-pemimpin yang hadir mengiktiraf penubuhan Pertubuhan yang dikenali sebagai Pertubuhan Melayu Bersatu.

Semua hadirin yang hadir ketika itu mencapai kata sepakat Masa itu belum ada lagi Kebangsaan cuma Pertubuhan Melayu Bersatu sahaja. Semua yang hadir bersetuju untuk menubuhkan persatuan itu. Jadi saya hairan kenapa UMNO dikatakan lahir pada 11 Mei di Johor Bahru sedangkan persidangan 1 Mac sudah pun jelas menunjukkan kelahiran sebuah parti untuk orang-orang Melayu?

Saya masih ingat lagi ketika itu, pagi tu dalam pukul 10 pagi, Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor ada hadir sama. Diadakan satu jamuan pada masa berkenaan. Mereka berbincang, selepas itu mereka bersidang dan wujudnya cadangan untuk menubuhkan Pertubuhan Melayu Bersatu itu pada waktu tengahari. Perkara itu dipersetujui bersama. Tetapi namanya bukanlah Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu sebagaimana yang ada sekarang kerana istilah kebangsaan itu dimasukkan setelah berakhirnya persidangan 1 Mac.

Yang hadir, sebagaimana yang saya kemukakan tadi, saya ingat antaranya Dato Onn Jaafar dari Johor, Datuk Panglima Bukit Gantang mewakili Perak, Saadon dari Singapura dan Ahmad Boestamam. Ada juga yang datang mewakili Gombak iaitu Aminuddin Hakim.

Ada tiga ketetapan yang dibincangkan iaitu mengenai Undang-undang, Pelajaran dan Bendera. Antara yang terlibat adalah Datuk Panglima Bukit Gantang (Perak), Nik Ahmad Kamil dari Kelantan dan Za'ba. Ketika itu, saya masih ingat lagi orang yang paling kuat menentang keris tercacak di bendera adalah Ahmad Boestaman.

Walaupun ramai yang sepakat, tetapi Boestaman tetap dengan pendiriannya. Boestaman keluar dari persidangan itu kerana tidak bersetuju apabila bendera yang dihasilkan memperlihatkan kedudukan keris yang terpacak. Bagi saya, perjuangan masa itu mirip pada perjuangan di Indonesia.

E B : Pada pendapat Pak Ujang mengapa agaknya tarikh 11 Mei 1946 dipilih sebagai hari penubuhan UMNO di Johor Bahru?

P U : Itu saya tidak tahu dan perkara itulah yang saya tidak faham. Mengapa 11 Mei di Johor Bahru sedangkan secara jelas pertubuhan itu telah dipersetujui dan lahir dalam persidangan di Kelab Sultan Sulaiman. Mengapa pula 11 Mei diisytharkan sebagai hari penubuhan UMNO, hari kelahiran UMNO? UMNO bertitik tolak dari persidangan 1 Mac dan saya tidak terfikir kenapa ramai pihak mengganggap 11 Mei sebagai tarikh penubuhan UMNO.

E B : Bagaimana pandangan Pak Ujang tentang UMNO dan para pemimpinnya kini?

P U : Itulah kebimbangan kita. Mungkin pada masa sekarang nasib Meiayu kita tidak nampak lagi apa-apa yang berlaku. Apa yang merisaukan kita adalah nasib waris-waris kita pada masa akan datang. Masa ini, kita masih lagi tersenyum dan melepaskan semua yang kita pegang kepada orang lain.

Kite biarkan orang lain menguasai, k i t a pula sebaliknya. Saya ingat zamanTun (Razak) dulu merupakan kabinet yang paling bersih. Kabinet Tunku barisan percubaan tetapi zaman Tun, beliau berjaya membentuk barisan kabinet yang mantap.

Saya lihat Pak Lah seorang berusaha bersungguh-sungguh ke arah itu.Tetapi masih lagi ada pihak yang cuma melihat kelemahan

Pak Ujang ada pada masa persidangan itu berlangsung.

Pak Lah tetapi tidak memberi sokongan yang sepenuhnya. Saya melihat itu tidak membantu orang-orang Melayu. Usaha Pak Lah wajar diteruskan.

Semangat 'Hidup Melayu' mesti berkumandang. Jika dulu, bila sebut 'Hidup Melayu' sepertimana yang saya katakan tadi, bulu roma kite akan terbit. Itulah namanya semangat yang membara. Kita berjuang demi bangsa. Kite bina maruah bangsa Melayu. UMNO dan para pemimpin-pemimpinnya perlu kembali kepada asas-perjuangan terdahulu. Usaha ini perlu berterusan. K i t a tidak mahu kehilangan apa yang k i t a miliki sekarang. K i t a kini semakin terhimpit kite perlu bela kembali hak kite agar kite terus kukuh di negara kita ini.

E B : Bolehkah UMNO bertahan dengan timbulnya pemimpin-pemimpin mereka yang lahir selepas merdeka dan mereka ini tidak tahu apa sebenarnya makna perjuangan?

P U : Lahirnya pemimpin selepas merdeka itu bukan persoalannya. Yang penting semangat s e r t a faham pada asas perjuangan UMNO. Sebagai seorang pemimpin UMNO, seseorang itu mesti peka pada asas. Jika asas pun tidak mampu untuk dikuasai, bagaimana untuk memimpin dan meneruskan agenda Meiayu? Kita tidak tahu apa yang bakal berlaku pada anak-cucu kita pada masa akan datang. Ekonomi kita masih lagi dikuasai orang lain, kita masih terkebelakang. Kite perlu mengukuhkan kedudukan orang Melayu. Itulah agenda Melayu. Kite sudah maklum bahawa UMNO itu Melayu dan Melayu itulah UMNO sebenarnya. Kite perlu faham perkara asas ini.

10 tahun dahulu, saya pernah menekankan tiga perkara dalam UMNO. Pertama, UMNO perlu balik ke asalnya. Kedua, Semangat UMNO mesti dipulihkan.Yang Ketiga, Kedudukan raja-raja dikembalikan. Itulah caranya UMNO dipertahankan. Jangan kerana dibendung oleh kebendaan, Agenda bangsa pula diketepikan. Kite mesti sedar mulai sekarang. Itulah yang saya suka untuk ingatkan.

E B : Pada, 18 Mei ini, Presiden UMNO, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan merasmikan Veteran UMNO Malaysia di Ipoh. Pada pendapat Pak Ujang apakah peranan dan sumbangan yang boleh serta harus dimainkan oleh veteran-veteran UMNO yang masih berupaya dan sihat kepada UMNO itu sendiri?

P U : Tahniah saya ucapkan pada Kelab Veteran UMNO. Saya berdukacita kerana tidak dapat hadir pada hari berkenaan. Perkara itu telah saya maklumkan kepada Datuk Idris sendiri sebelum ini. Berbalik kepada perkara asas, penubuhan Veteran UMNO harus ditunjangi dengan kejujuran, bukan untuk mengejar pangkat dan jawaten. Zaman itu sudah berlalu.

K i t a ketahui dalam Veteran UMNO, ada antara ahli-ahlinya yang pernah memegang portfolio dalam Kerajaan. Tetapi zaman itu dah berlalu dan kewujudan Kelab Veteran UMNO ni saya sifatkan sebagai 'Orang Tua'. Dalam kata lain,'Orang Tua' yang memberi panduan, nasihat, pandangan kepada orang-orang muda agar tidak lari dari perkara asas perjuangan UMNO.

Saya rasakan jika perkara ini ditepati dan menjadi prinsip veteran UMNO, saya pasti, kelab itu adalah tunjang kekuatan kepada UMNO di negara ini. Apa-apa pun, saya berharap semoga veteran UMNO dapat menyumbang idea dan pandangan kepada pemimpin-pemimpin muda.

E B : Terima Kasih Pak Ujang.

PU:Sama-sama.



< Dalam persidangan inilah, penubuhan UMNO telah dibincangkan dan dipersetujui." persidangan; berlangsung di Kelab Sultan Sulaiman pada 1 Mac 1946.